



TATACARA MENYAPU KHUF

edaran:

Jabatan Arah KAGAT

TATACARA MENYAPU KHUF

PENGENALAN

1. Definisi Khuf.

Khuf ialah Kasut kulit yang menutupi kaki hingga buku lali. Buku lali ialah tulang sendi yang timbul di antara kaki dengan betis. (Lihat al-Fiqh al-Manhaji, 1/241). Perbezaannya ialah sifat khuf yang menutupi seluruh kaki melepasi buku lali di samping diperbuat daripada kulit yang tidak berlubang. Jika sekiranya ia seperti khuf bahkan lebih daripada itu, seperti sebahagian daripada kasut tentera, maka ia boleh mengambil hukum khuf. Inilah pendapat sebahagian ulama seperti Sayyid Sabiq dalam Fiqh al-Sunnah.

HUKUM

2. Hukum Menyapu Khuf.

Menyapu khuf dengan air adalah satu keringanan (رُخْصَةٌ) yang harus bagi lelaki dan perempuan dalam semua keadaan, sama ada ketika musim panas atau sejuk, musafir atau mukim, dan ketika sihat atau sakit. Perbuatan ini adalah ganti membasuh kaki ketika berwudhu'.



TATACARA MENYAPU KHUF

Syarat Menyapu Dua Khuf.

- (1) Kedua-duanya dipakai setelah sempurna wudhu'.
- (2) Kedua-dua mestilah menutupi kesemua bahagian kaki yang wajib dibasuh.
- (3) Kedua-duanya hendaklah kalis air kecuali pada jahitannya.
- (4) Kedua-duanya mestilah kukuh dan tahan lasak hingga boleh dipakai berjalan selama sehari semalam bagi orang yang bermukim dan tiga hari tiga malam bagi yang bermusafir.
- (5) Kedua-duanya mestilah suci sekalipun diperbuat daripada kulit bangkai yang disamak, kulit bangkai yang disamak adalah suci.



TATACARA MENYAPU KHUF

Tempoh Menyapu Khuf

- a. Orang Bermukim. Tempoh menyapu khuf bagi orang yang bermukim ialah sehari semalam
- b. Orang Musafir. manakala bagi yang musafir selama tiga hari tiga malam.

Waktu Tempoh Bermula. Tempoh menyapu khuf setelah memakai kedua-duanya bermula apabila berhadass. Justeru, seseorang yang berwudhu' dan memakai khuf untuk solat Subuh, kemudian dia berhadass ketika matahari terbit, maka tempohnya bermula daripada terbit matahari



TATACARA MENYAPU KHUF

Cara Menyapu Khuf

- a. Wajib menyapu bahagian atas khuf walaupun sedikit dan tidak memadai menyapu di bahagian bawahnya sahaja.
- b. Sunat menyapu bahagian atas dan bawah khuf dengan sekali lalu, iaitu dengan cara meletakkan jari-jari tangan kanannya dalam keadaan terbuka di bahagian atas hujung kaki, dan jari-jari tangan kirinya pula dibahagian bawah tumit. Kemudian lalukan tangan kanan ke belakang sambil tangan kirinya ke hadapan.



TATACARA MENYAPU KHUF

Perkara-perkara yang Membatalkan Sapuan

Tiga perkara yang membatalkan sapuan ialah:

- a. Kedua-dua khuf atau satu daripadanya ditanggalkan atau tercabut.
- b. Tamat tempoh sapuan. Apabila tempohnya tamat ketika masih berwudhu' dia hendaklah menanggalkan kedua-dua khuf dan membasuh kedua-dua kakinya, kemudian memakainya semula. Sekiranya dia tidak berwudhu', maka hendaklah dia berwudhu' kemudian memakainya semula jika ingin berbuat demikian.
- c. Berlaku perkara yang mewajibkan mandi. Apabila wajib mandi, dia hendaklah menanggalkan kedua-dua khuf dan membasuh kedua-dua kakinya. Ini kerana menyapu khuf adalah ganti membasuh kaki ketika berwudhu' sahaja, dan bukan pada mandi wajib.





SEKIAN